

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah 10 kerjaya yang mempunyai daya pasaran yang tertinggi di Malaysia dan apakah pendapatan purata kerjaya-kerjaya tersebut.

PR-1323-T63732

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Mengikut statistik *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), jawatan sebagai kerani pentadbiran dan eksekutif kewangan adalah pilihan kerjaya yang berada dikedudukan pertama dan kedua dengan purata gaji RM1,500 dan RM2,000 sebulan. Manakala jawatan eksekutif perhubungan awam dengan purata gaji RM1,500 sebulan menduduki kedudukan terbawah dalam 10 kerjaya pilihan yang mempunyai daya pasaran tertinggi di Malaysia.

2. 10 kerjaya pilihan yang mempunyai daya pasaran yang tertinggi di Malaysia dan purata pendapatan atau gaji mereka adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: 10 Kerjaya Pilihan Yang Mempunyai Daya Pasaran Tertinggi Di Malaysia Dan Purata Gaji Yang Diterima.

Kedudukan	Nama Jawatan	Purata Gaji (RM)
1	Kerani Pentadbiran	1,500.00
2	Eksekutif Kewangan	2,000.00
3	Eksekutif Pentadbiran	3,000.00
4	Eksekutif Pegawai Bank	2,500.00
5	Juruteknik Am	3,000.00
6	Eksekutif Sumber Manusia	3,000.00
7	Pensyarah Kolej	2,000.00
8	Eksekutif Pemasaran	2,000.00
9	Penyelia Am	1,500.00
10	Eksekutif Perhubungan Awam	1,500.00

Sumber : JobsMalaysia